

Peruntukan RM3 juta dalamkan Pelabuhan LKIM Chendering

UM 12/05/22 m/s 3.3

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri Terengganu menyediakan peruntukan RM3 juta bagi melaksanakan projek mendalamkan Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Chendering, tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, peruntukan tersebut diluluskan kerajaan negeri pada Belanjawan Terengganu 2023 lalu.

Menurutnya, pada masa ini, proses teknikal sedang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum kerja-kerja mendalamkan pelabuhan itu bermula.

“Oleh itu, satu tindakan perlu dilakukan untuk membantu golongan tersebut agar lebih banyak bot boleh masuk mendaratkan ikan ke pelabuhan itu pada masa akan datang.

“Kerja-kerja mengorek alur laluan pelayaran akan dilaksanakan dan pada masa sama kita berharap Kerajaan Pusat dapat mempercepat projek menaik taraf pemecah ombak dan infrastruktur di pelabuhan seperti yang diumumkan sebelum ini,” katanya ketika dihubungi di sini,



NELAYAN menghadapi kesukaran mendaratkan ikan di Pelabuhan LKIM Chendering, Kuala Terengganu yang ceteck. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan keluhan golongan nelayan yang kecewa kerana tidak dapat mendaratkan ikan di pelabuhan tersebut kerana keadaan kuala yang semakin ceteck dan sempit.

Menurut nelayan, sebanyak 150 bot dapat menggunakan

kemudahan di pelabuhan itu sebelum ini, namun, semakin berkurangan kepada hanya 30 bot berikutan masalah mendarat pasir gagal diselesaikan.

Dr. Azman berkata, masalah di pelabuhan itu antara yang menjadi keutamaan kerajaan negeri sejak Mei 2018 kerana ia menjelaskan aktiviti nelayan

dan mengurangkan jumlah pendaratan ikan di Terengganu.

“Pada 2021, kerajaan negeri bersama LKIM Terengganu mengemukakan kertas cadangan naik taraf dan pembangunan semula Pelabuhan LKIM Chendering kepada menteri bertanggungjawab ketika itu iaitu Datuk Seri Dr. Ronald Kiande.